

Judi Internet perosak pemikiran anak muda

SH 18/8/09 ps. 17.

KUALA TERENGGANU - Sistem perjudian yang diperkenalkan di Internet boleh menggalakkan masyarakat Melayu khususnya golongan muda menghabiskan masa mereka bermain judi.

Pensyarah Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti (UMT), Mohd Sarif Abd Manap berkata, bagi kaki judi, sistem baru tersebut bagaikan habuan kerana mereka tidak perlu mengeluarkan wang banyak untuk membeli nombor ekor sebaliknya cuma melaburkan RM10 melalui Internet.

Berikutan itu, ramai anak muda semakin ketagih untuk melakukan aktiviti tidak bermoral itu walaupun mereka



tahu banyak keburukan yang akan ditanggung kelak.

"Bayangkan kalau untuk satu keuntungan boleh mencapai RM50,000 dalam masa 20 minit, siapa yang tidak mahu? Lebih-lebih lagi

Keadaan inilah yang merisaukan kita. Jika ia berterusan boleh mengancam pemikiran anak muda yang sememangnya mudah terpengaruh dengan sesuatu perkara baru.

- Mohd Sarif Abd Manap

mereka hanya perlu membayarnya serendah RM10 sahaja. Ia sesuatu yang cukup menguntungkan bagi mereka yang gemar berjudi.

"Namun, keadaan inilah yang merisaukan kita. Jika ia

berterusan boleh mengancam pemikiran anak muda yang sememangnya mudah terpengaruh dengan sesuatu perkara baru," katanya.

Beliau berkata, kekuatan iman sahaja yang mampu menyelamatkan mereka daripada terjebak dengan perjudian itu yang langsung tidak memberi manfaat kepada seseorang individu.

"Tidak guna menyesal kemudian, kalau pelaburan yang mereka keluarkan itu hanya mendatangkan kerugian. Oleh itu, adalah lebih baik jika mereka sedar dari awal dan tidak membabitkan diri dalam perjudian Internet tersebut," katanya.